A

Pendakwa Raya lwn Mohd Jairulnizam bin Mohd Nordin dan satu lagi kes

B MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERBICARAAN JENAYAH NO AB-45D-05–09 TAHUN 2017 DAN AB-45D-06–09 TAHUN 2017
ASMADI HUSSIN PK
12 NOVEMBER 2018

C *Undang-Undang Jenayah — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — s 7 — Tertuduh didakwa di bawah s 7(1) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 — Sama ada kes prima facie dapat dibuktikan — Sama ada senapang patah tersebut adalah senjata api — Sama ada tertuduh telah melakukan perbuatan berdagang senjata api tanpa lesen — Sama ada senapang patah*
D *tersebut milik RELA — Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 s 7(1)*

Melalui kes-kes AB-45D-05–09 Tahun 2017 dan AB-45D-06–09 Tahun 2017, tertuduh menghadapi pertuduhan masing-masingnya bagi setiap kes di bawah s 7(1) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('Akta tersebut') atas
E kesalahan berdagang senjata api. Mohamad Zauri bin Lut ('SP3') adalah mantan pegawai RELA Daerah Selama, Perak. Bermula 1 Disember 2015, SP3 telah mengambil alih tugas sebagai pegawai RELA Daerah Selama daripada Yaakob bin Desa. Yaakob mengambil alih tempat SP3 sebagai pegawai RELA Daerah Pengkalan Hulu. Pegawai RELA daerah sepatutnya memiliki Lesen A
F bagi menggunakan senjata api yang dibekalkan kepada pejabat RELA daerah. Lesen A ialah surat kebenaran mengguna senjata api dan peluru. Apabila bertukar ke pejabat RELA Daerah Selama, SP3 tidak memohon Lesen A memandangkan tempoh perkhidmatan beliau berbaki dua tahun. Menurut
G SP3, proses untuk mendapatkan Lesen A mengambil massa lebih daripada setahun. Senjata api milik RELA kebanyakannya sudah berusia. Senjata api RELA khusus untuk membasmi musuh tanaman. SP3 di dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa senjata api RELA akan disimpan di Pusat Latihan RELA Wilayah Utara (PLRWU), Sungai Petani, Kedah. Setelah membuat pemeriksaan, SP3 mendapati berlaku kekurangan sebanyak 44 laras
H senapang patah jenis H & R. SP3 kemudiannya membuat satu laporan polis. Siasatan polis telah membawa tangkapan Mohd Fairi bin Abu Osman ('SP1') pada 26 Mac 2017, seorang anggota tentera bertugas di Batalion Ketiga, Kem Sabak Bernam, Selangor. Menurut SP1, sebelum ditangkap polis, dia telah terdengar siaran berita di televisyen tentang penjualan senjata api milik RELA
I Daerah Selama. SP1 pernah membeli dua laras senapang patah ('senapang patah tersebut') secara berasingan daripada tertuduh yang merupakan rakan sekampung. Tertuduh memberitahu SP1 bahawa senapang patah-senapang patah yang dijual tersebut telah dibuat pelupusan dan rosak. Atas andaian senapang patah-senapang patah itu boleh dibaiki, SP1 mengambil keputusan

untuk membeli kedua-dua senapang patah tersebut dan boleh digunakan untuk menjaga kebun durian ketika musim buah dan menghalau binatang buas. Kedua-dua senapang patah tersebut telah dihantar untuk pemeriksaan 'serviceability' di IPK Perak. Pada ujian *serviceability* tersebut, kedua-dua senapang patah tidak berupaya untuk melepaskan tembakan. Salah satunya adalah disebabkan kesan 'firing pin' pada 'primer catridge' amat minimum kerana 'firing pin protrusion' pendek dan satu senapang patah lagi tidak mempunyai 'firing pin'. Pihak pendakwaan berhujah bahawa: (a) tertuduh telah menjual senapang patah tersebut; (b) senapang patah tersebut merupakan senjata api meskipun gagal melepaskan tembakan semasa ujian 'serviceability'; dan (c) rantaian keterangan bersabit jagaan dan kawalan senapang patah tersebut bermula daripada masa dirampas sehingga dikemukan di mahkamah adalah tidak pernah terputus.

Diputuskan, melepas dan membebaskan tertuduh daripada kedua-dua tuduhan tanpa memanggil tertuduh untuk membela diri:

(1) Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa sama ada suatu senjata api boleh melepaskan tembakan atau tidak ditentukan semasa ujian 'serviceability' dijalankan. Apa yang perlu ditentukan ialah darjah pembaikan yang perlu dilakukan ke atas senapang patah tersebut yang menjadi subjek pertuduhan. SP1 semenjak awal telah mengetahui bahawa kedua-dua senapang patah telah rosak semasa diserahkan kepadanya dan beliau berhajat untuk membaiki kedua-dua senapang patah tersebut. Jika SP1 tidak yakin bahawa beliau boleh membaiki senapang patah tersebut, SP1 tidak akan mengambil senapang patah tersebut. Berdasarakan fakta tersebut, inferens yang boleh dibuat ialah untuk membaiki senapang patah tersebut bukanlah suatu yang sukar atau mustahil dan SP1 hanya tidak berkesempatan untuk berbuat demikian. SP1 mengakui sebagai anggota tentera beliau mempunyai pengalaman mengendalikan senapang patah. Mahkamah memutuskan bahawa senapang patah tersebut jika dibaiki dengan memasang *firing pin* baru adalah senjata maut yang boleh mendatangkan kecederaan dan kematian, jika disalahgunakan. Mahkamah berpuas hati bahawa inti pati pertama iaitu senapang patah tersebut merupakan senjata api telah berjaya dibuktikan (lihat perenggan 23–24 & 26).

(2) Mahkamah sukar menerima keterangan SP1 bahawa SP1 membayar RM2,300 dan RM2,700 secara tunai kepada tertuduh untuk mendapatkan senapang patah tersebut. SP1 mengetahui kedua-dua senapang patah tersebut telah rosak dan adalah mustahil bagi seorang yang munasabah untuk membeli suatu barang yang rosak dan tiada nilai dengan harga yang begitu tinggi. Jika betul SP1 telah membayar wang sejumlah RM3,000 bagi kedua-dua senapang patah tersebut, pasti SP1 mahukan wangnya dikembalikan lantaran senapang patah tersebut tidak boleh digunakan. Tidak mungkin SP1 akan berdiam diri selama dua

tahun tanpa meminta wang yang dikatakan telah dibayar agar dikembalikan. Keterangan SP1 mengenai pembayaran wang kepada tertuduh adalah tidak 'credible'. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati kedua iaitu tertuduh berdagang senjata api sama ada melalui penjualan atau memindahmilikkan atau mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindah milik (lihat perenggan 29–30 & 33).

(3) Mahkamah mendapati bahawa senapang patah tersebut adalah disangsikan milik RELA di dalam ketiadaan nombor siri untuk dibuat rujukan silang dengan rekod simpanan pihak RELA. Inti pati sama ada senapang patah tersebut milik RELA telah gagal dibuktikan. Mahkamah mendapati isu ketuanpunyaan senapang patah bukan merupakan inti pati kesalahan di bawah s 7(1) Akta tersebut. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah tertuduh tidak mempunyai lesen yang diperlukan untuk berurusan dengan senjata api dan amunisi sama ada untuk menjual atau memindah milikkan, mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindah milik. Sama ada senapang tersebut adalah milik RELA atau pihak lain termasuklah tertuduh sendiri bukanlah initpati kesalahan di bawah s 7(1) Akta tersebut. Penambahan perkatan milik RELA di dalam pertuduhan merupakan suatu penambahan yang tidak perlu dan bukan merupakan kehendak undang-undang (lihat perenggan 34).

(4) Mengenai fakta bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen untuk berurusan dengan senjata api, mahkamah mendapati tiada keterangan dikemukakan yang menunjukkan bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen untuk berburusan dengan senjata api-senjata api tersebut. Pihak pendakwan perlu mengemukakan keterangan bahawa tertuduh telah diminta mengemukakan lesen untuk menjual atau memindah milikkan atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindah milik senjata api, namun gagal berbuat demikian. Setelah itu, adalah menjadi tugas tertuduh untuk menunjukkan sama ada tertuduh mempunyai lesen yang diperlukan sebagaimana peruntukan Akta Senjata 1960 atau merupakan seorang yang dikecualikan di bawah ss 6(2) dan 9(1) Akta yang sama. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai aspek tersebut telah meninggalkan lompang dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 35–36).

(5) Di dalam kes-kes semasa, pihak pendakwaan gagal membuktikan inti pati kedua serta berlaku kesenjangan di dalam keterangan bersabit sama ada tertuduh mempunyai lesen atau tidak untuk berurusan dengan senjata api. Di dalam keadaan tersebut, atas penilaian maksima, mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie berkenaan kedua-dua tuduhan (lihat perenggan 37).

[English summary

According to the cases of AB-45D-05–09 of 2017 and AB-45D-06–09 of 2017, the accused faced each charge respectively for each case under s 7(1) of the Firearms (Heavy Penalties) Act 1971 ('the Act') on the offense of trading firearms. Mohamad Zauri bin Lut ('SP3') is a former RELA officer in Selama, Perak. Beginning 1 December 2015, SP3 took over as RELA district officer for the duration of Yaakob bin Desa. Yaakob took over SP3 as RELA officer in Pengkalan Hulu District. A regional RELA officer must have a License A to use a firearm provided by the regional RELA office. License A is a permit to use firearms and ammunition. When transferred to the RELA district office for Selama, SP3 did not apply for License A as he left with two years in service. According to SP3, the process for obtaining a License A took more than a year. RELA's firearms are mostly old. RELA firearms are specialised in eradicating plant enemies. SP3 in its statement testified to the court that RELA firearms would be stored at the RELA Northern Territory Training Center (PLRWU), Sungai Petani, Kedah. Upon inspection, SP3 found a decreasing number of 44 barrels of H&R type rifles. SP3 then lodged a police report. A police investigation led to the arrest of Mohd Fairi bin Abu Osman ('SP1') on 26 March 2017, a soldier in the Third Battalion, Sabak Bernam, Selangor. According to SP1, before being arrested by police, he had heard on television news about the sale of RELA area guns in Selama. SP1 had previously purchased two barrels of ammunition ('the rifle') separately from the accused, who were co-conspirators. The accused told SP1 that the shotgun had been sold and was damaged. On the assumption that the shotgun could be repaired, SP1 decided to buy the two shotguns and could use them to guard the durian orchard during the spring and chase wildlife. Both rifles have been sent for serviceability checks at the Perak GPA. During the serviceability test, both of the shotguns were not capable of firing. One of these is that the effect of the 'firing pin' on the 'primary catridge' is minimal because the 'firing pin protrusion' is short and one shotgun has no 'firing pin'. The prosecution argued that: (a) the accused sold the shotgun; (b) the shotgun was a firearm despite failing to fire during the serviceability test; and (c) the chain of custody and control of the shotgun from the time of the seizure found in court is never cut off.

Held, acquitted the accused on both counts without calling on the defendant to defend himself:

(1) The court disagreed with the defense counsel's argument that whether a firearm could fire or not be determined during a serviceability test. What needs to be determined is the degree of repairs to be made to the shotgun that is the subject of the charge. SP1 has learned from the outset that the two rifles had been damaged when it was handed over to him and that he intends to repair the two. If SP1 is not sure he can fix the shotgun, SP1 will not take the shotgun. Based on this fact, the inference that it is

possible to repair the shotgun is not difficult or impossible and SP1 simply does not have the opportunity to do so. SP1 admitted that as a member of the army he had experience in handling rifles. The court ruled that the shotgun when repaired by installing a new pin firing was a deadly weapon that could cause injury and death, if misused. The court is satisfied that the first essence of the shotgun as a firearm has been proven (see paras 23–24 & 26).

(2) The court found it difficult to accept SP1's evidence that SP1 paid RM2,300 and RM2,700 in cash to the accused to obtain the shotgun. SP1 knows that both of these rifles have been damaged and that it is impossible for a reasonable person to buy a defective item at such a high price. If it was true that SP1 had paid a sum of RM3,000 for both rifles, then SP1 would have wanted the money back because the rifle could not be used. It is not possible for SP1 to remain silent for two years without asking for money to be repaid. SP1's description of the payment of money to the accused is not 'credible'. The prosecution has failed to prove the second essence of the charge is to trade firearms either through sale or transfer or sale or to keep for sale or transfer (see paras 29–30 & 33).

(3) The court found that the rifle was suspected by RELA in the absence of serial number to be cross-referenced with RELA's savings records. The essence of whether RELA's shotgun has failed to prove. The court found that the issue of ownership of a shotgun was not the essence of the offense under s 7(1) of the Act. What the prosecution has to prove is that the accused did not have the necessary license to deal with firearms and ammunition either to sell or transfer, lease or store for sale or transfer. Whether the rifle belongs to RELA or the other party including the accused is not an offense under s 7(1) of the Act. The addition of RELA's provisions in the charge is an unnecessary addition and is not a legal requirement (see para 34).

(4) Regarding the fact that the accused did not have a license to deal with firearms, the court found no evidence to show that the accused did not have a license to deal with the firearms. The defendant must provide evidence that the accused was required to apply for a license to sell or transfer or store or disclose for sale or transfer of firearms, but failed to do so. Thereafter, it is the duty of the accused to indicate whether the accused has the necessary license in accordance with the provisions of the Arms Act 1960 or is an exempt person under ss 6(2) and 9(1) of the same Act. The failure of the prosecution to provide evidence on this aspect has left a void in the prosecution's case (see paras 35–36).

(5) In the present case, the prosecution failed to prove the second essence and there was a gap in the evidence relating to whether the accused had a license or not to deal with a firearm. In that circumstance, in its maximum judgment, the court found and ruled that the prosecution had

failed to prove a prima facie case on both charges (see para 37).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19; [1985] 2 CLJ 2, MA (dirujuk)
Arulpragasan a/l Sandaraju v PP [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329, MP (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Daimon bin Banda v PP [1953] 1 MLJ 23, MR (dirujuk)
Ignatius ak James v PP [2016] MLJU 229; [2016] 1 LNS 59, MR (dirujuk)
Jagar Singh v PP [1936] 1 MLJ 92 (dirujuk)
Lee Weng Sang v PP [1976] 1 MLJ 82 (dirujuk)
Lim Eng Kooi v PP [1948–1949] MLJ Supp 63, MR (dipertimbangkan)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Pasupathy a/l Kanagasaby v PP [2005] 1 MLJ 493, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa Perbicaraan Jenayah No AB-45D-03–09 Tahun 2017 (tidak dilaporkan), MT (dibeza)
Pendakwa Raya v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Haji Ismail & Anor [1940] MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 (dirujuk)
PP v Kasmin bin Soeb [1974] 1 MLJ 230; [1974] 1 LNS 116 (dirujuk)
PP v Rahiman bin Selamat (Rayuan Jenayah No 42A-21 Tahun 2001) (tidak dilaporkan), MT (dirujuk)
PP v Syed Bakri [1955] MLJ (xvii) (dirujuk)
PP v Umar Cipto Sumarto [2006] 2 MLJ 763; [2005] 8 CLJ 547, MT (dirujuk)
PP v Zainal bin Ismail & Ors [2011] 2 MLJ 272; [2009] 3 CLJ 554, MR (dirujuk)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509, MP (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37, MR (dirujuk)
Shawal bin Hj Mohd Yassin v PP [2006] 4 MLJ 334, MT (dirujuk)
TN Nathan v PP [1978] 1 MLJ 134 (dirujuk)
Ti Chuee Hiang v PP [1995] 2 MLJ 433, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Senjata 1960 ss 6(2), 9(1), (2), 11(1), 15(1)
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ss 2, 7, 7(1)
Kanun Tatacara Jenayah ss 152, 154, 155, 156, 180

Safiyatun bt Ahmadon (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Undang-undang Negeri Perak) bagi pihak pendakwaan.
Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Karpal Singh & Co) bagi pihak tertuduh.

Asmadi Hussin PK:

MUKADIMAH

[1] Melalui kes-kes AB-45D-05–09 Tahun 2017 dan AB-45D-06–09 Tahun 2017 Mohd Jairulnizam bin Mohd Nordin, iaitu tertuduh menghadapi satu pertuduhan masing-masingnya bagi setiap kes di bawah s 7(1) Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 ('FIPA') atas kesalahan berdagang senjata api. Kedua-dua pertuduhan tersebut dibicarakan bersekali dengan persetujuan pihak pendakwaan dan pembelaan.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai enam orang saksi untuk memberi keterangan semasa kes pendakwaan. Pertuduhan-pertuduhan pindaan pertama (ekshs P2 dan P2A masing-masingnya) dibaca seperti berikut:

> Pertuduhan Pindaan Kedua (AB-45D-05-09/2017):
>
> Bahawa kamu pada Mac 2015 di Lot 4257, Lorong 1, Bagan Baru ljok Baru Kurau, 34150 Selama, di dalam Daerah Larut Matang, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah berdagang senjatapi sebanyak 1 laras senapang patah jenis Harrington & Richardson tiada nombor siri milik RELA di bawah Seksyen 7 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 dan oleh yang demikian melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.
>
> Pertuduhan Pindaan Kedua (AB-45D-06-09/2017):
>
> Bahawa kamu pada Januari 2015 di Lot 4257, Lorong 1, Bagan Baru ljok Baru Kurau, 34150 Selama, di dalam Daerah Larut Matang, di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah berdagang senjatapi sebanyak 1 laras senapang patah jenis Harrington & Richardson tiada nombor siri milik RELA di bawah Seksyen 7 Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971 dan oleh yang demikian melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[3] Bagi tujuan kemudahan, di dalam penghakiman ini pertuduhan pindaan pertama kes-kes AB-45D-05–09 Tahun 2017 dan AB-45D-06–09 Tahun 2017 akan dirujuk sebagai 'T1' dan 'T2' masing-masingnya.

KES PENDAKWAAN

[4] Kes pihak pendakwaan boleh diikhtisar seperti berikut:

(a) Mohamad Zauri bin Lut ('SP3') adalah mantan pegawai RELA Daerah Selama, Perak. Bermula 1 Disember 2015, SP3 telah mengambil alih tugas sebagai pegawai RELA Daerah Selama daripada Yaakob bin Desa ('Yaakob'). Yaakob pula mengambil alih tempat SP3 sebagai pegawai RELA Daerah Pengkalan Hulu;

(b) Pegawai RELA Daerah sepatutnya memiliki Lesen A bagi menggunakan senjata api yang dibekalkan kepada pejabat RELA Daerah. Lesen A ialah surat kebenaran mengguna senjata api dan peluru. Bila bertukar ke pejabat RELA Daerah Selama, SP3 tidak memohon Lesen A memandangkan tempoh perkhidmatan beliau berbaki dua tahun. Menurut SP3, proses untuk mendapatkan Lesen A mengambil masa lebih daripada setahun. Senjata api milik RELA kebanyakannya sudah berusia. Senjata api RELA khusus untuk membasmi musuh tanaman. SP3 di dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa senjata api RELA akan disimpan di Pusat Latihan RELA Wilayah Utara ('PLRWU'), Sungai Petani, Kedah;

(c) pada 23 Februari 2017, SP3 dengan dibantu oleh Mohamad Nor Faizal bin Mohd Hashim ('Faizal'), Penolong Pegawai RELA Daerah Selama, bersama pasukan Bahagian Perlesenan, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman ('pasukan Bukit Aman') telah melakukan pemeriksaan ('pemeriksaan itu') ke atas senjata api milik RELA Daerah Selama yang disimpan di stor senjata api di PLRWU;

(d) Yaakob juga hadir semasa pemeriksaan itu sebagai pegawai RELA Daerah Pengkalan Hulu. Atas permintaan pasukan Bukit Aman, Yaakob telah menyerahkan senarai senjata api yang didaftarkan di dalam Lesen A yang dipegangnya berkait senjata api pejabat RELA Daerah Selama. Berdasarkan Lesen A yang dikeluarkan kepada Yaakob, pejabat RELA Daerah Selama mempunyai 300 laras senjata api jenis senapang patah model Harrington and Richardson (H & R);

(e) seusai pemeriksaan, SP3 mendapati berlaku kekurangan sebanyak 44 laras senapang patah jenis H & R. Lanjutan daripada pemeriksaan itu, pada 2 Mac 2017, SP3 telah membuat satu laporan polis, iaitu Bukit Selambau Rpt 126/17 (eksh P13). Di dalam laporan polisnya, SP3 menyertakan butiran senjata api yang disyaki hilang sebagai lampiran;

(f) di dalam eksh P13, SP3 melaporkan sebanyak 44 laras senapang patah H & R telah gagal dikesan di stor PLRWU. Menurut SP3, setelah menolak tujuh laras yang dibuat pelupusan (ketika itu sijil pelupusan (eksh P14) belum dikeluarkan) dan sebelas laras yang tiada di dalam Lesen A, tetapi dijumpai di stor senjata api PLRWU (yang kemudiannya disahkan oleh pihak polis adalah milik RELA Daerah Selama), sebenarnya hanya 26 laras senapang patah H & R sahaja yang disyaki hilang;

(g) berikutan laporan polis yang dibuat oleh SP3, pihak polis telah memulakan siasatan. SP3 juga, selepas 23 Februari 2017, telah melakukan pemeriksaan lanjutan sebanyak dua kali di PLRWU, iaitu pada 4 Mac 2017 dan 8 Mac 2017. Hasil pemeriksaan sama seperti sebelumnya;

(h) siasatan polis telah membawa kepada tangkapan Mohd Fairi bin Abu Osman ('SP1') pada 26 Mac 2017, seorang anggota tentera bertugas di Batalion Ketiga, Kem Sabak Bernam, Selangor. Menurut SP1, sebelum ditangkap polis, dia telah terdengar siaran berita di televisyen tentang penjualan senjata api milik RELA Daerah Selama. Berita yang disiarkan itu, menurut SP1 ada kaitan dengan dirinya. SP1 pernah membeli dua laras senapang patah (ekshs P7A dan P8A) daripada tertuduh yang merupakan rakan sekampung. Senapang patah-senapang patah itu dibeli secara berasingan. Jarak pembelian senapang patah yang pertama dengan senapang patah yang kedua ialah antara dua hingga ke tiga bulan. Menurut SP1 lagi, bagi senapang patah pertama dia membayar harga RM2,300. Harga senapang kedua pula ialah RM2,700. Pembayaran adalah secara tunai dan dibuat di rumah tertuduh di Bagan Baru, Ijok, Batu Kurau Perak;

(i) tambah SP1, tertuduh memberitahunya senapang patah-senapang patah yang dijual itu telah dibuat pelupusan dan rosak. Atas andaian senapang patah-senapang patah itu boleh dibaiki, SP1 mengambil keputusan untuk membeli kedua-dua senapang patah itu. Hasratnya, bila dibaiki nanti boleh digunakan untuk menjaga kebun durian ketika musim buah dan menghalau binatang buas;

(j) SP1 menyembunyikan ekshs P7A dan P8A di bawah timbunan pelepah kelapa sawit di dalam kebun kelapa sawit yang terletak di Kampung Telaga Gergasi — lihat gambar ekshs P4A–E. Menurut SP1 dia langsung tidak pernah menggunakan ekshs P7A dan P8A;

(k) pada 26 Mac 2017, SP1 memutuskan untuk menyerah diri setelah dihubungi oleh seorang pegawai polis bernama ASP Suhaimi bin Hj Joohari ('SP6'). Semasa di dalam perjalanan ke Balai Polis Selama, pada jam 2.15 pagi 27 Mac 2017, SP1 telah berjumpa dengan SP6 di stesen minyak Shell, Selama yang terletak berdekatan dengan Balai Polis Selama. SP6 telah menangkap SP1 di situ. SP6 telah membawa SP1 ke lbu Pejabat Polis Daerah (IPD) Selama. Satu laporan polis (eksh P17) telah dibuat bersabit tangkapan SP1. Semasa temubual yang dijalankan oleh SP6, SP1 telah memberi maklumat kepada SP6 tempat di mana dia menyembunyikan ekshs P7A dan P8A. Maklumat itu diturunkan oleh SP6 di atas dua keping kertas (ekshs P20A dan B). SP6 turut membuat satu laporan polis berkait maklumat yang diterimanya (eksh P18). Pada jam 4.15 pagi hari yang sama, SP6 bersama satu pasukan polis dengan dipandu arah oleh SP1 telah pergi ke kebun kelapa sawit di Kampung Jalan Baru, Selama, tempat di mana SP1 menyembunyikan ekshs P7A dan P8A. Di sana, SP1 telah mengambil daripada bawah timbunan pelepah kelapa sawit satu sehelai seluar panjang berwarna hijau (eksh P6) yang dimasukkan ekshs P7A dan P8A. SP6 telah membuat satu laporan polis (eksh P19) bersabit penemuan barang kes-barang kes tersebut. SP6

juga mengeluarkan satu borang bongkar (eksh P21). Barang kes dan tangkapan kemudiannya diserahkan kepada pegawai penyiasat, Insp Muhammad Khairuddin bin Bohari (SP5). Penyerahan barang kes disertakan dengan satu borang akuan serah menyerah barang kes (eksh P26). Pada 29 Mac 2017, tertuduh telah ditangkap oleh Sjn Khozali bin Husin (SP4). SP4 telah membuat satu Bagan Serai Rpt 00057/17 (eksh P16) bersabit tangkapan tertuduh;

(l) pada 6 April 2017, Insp Zaffrul Asraff bin Mohd Fuzi, (tidak dipanggil sebagai saksi), Pegawai Analisa Kenderaan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak telah menjalankan pemeriksaan *etching* bertujuan mengesan nombor siri pada ekshs P7A dan P8A bertempat di perkarangan IPD Selama. Proses *etching* gagal mengesan nombor siri pada ekshs P7A dan P8A kerana nombor siri telah dicanai terlalu dalam. Insp Zaffrul telah menyediakan satu laporan pemeriksaan (eksh P25);

(m) pada 13 April 2017 jam 11.30 pagi, SP5 telah menghantar ekshs P7A dan P8A ke IPK Perak. Di Unit Persenjataan IPK Perak, barang kes diterima oleh Insp Saadun bin Abu Bakar (SP2). Pada masa yang material SP2 merupakan lnspektor Operasi Persenjataan. SP2 telah bertugas selama 31 tahun di Cawangan Persenjataan. SP2 berpengalaman di dalam menjalankan ujian *serviceability* senjata api dan telah menjalani pelbagai kursus yang berkaitan dengan tugasnya;

(n) pada 19 April 2017 jam 12.40 dan 12.45 tengah hari, SP2 telah menjalankan ujian *serviceability* ke atas ekshs P7A dan P8A dengan menggunakan dua butir kartus 12 *bore* masing-masingnya milik Polis Diraja Malaysia yang diperolehi daripada Kem Komandan IPK Perak. Ujian *serviceability* dijalankan di Lapang Sasar IPK Perak. Ekshibit P7A tidak berupaya melepaskan tembakan. SP2 mendapati kesan *firing pin* pada *primer catridge* amat minimum kerana *firing pin protrusion* pendek. Dengan kata lain, *firing pin* tidak dapat mengetuk *primer catridge* (peluru). SP2 melaporkan bahawa eksh P7A adalah *unserviceable.* Berkait dengan eksh P8A, SP2 mendapati senapang patah itu tidak mempunyai *firing pin* dan tidak boleh melepaskan tembakan. SP2 merumuskan bahawa eksh P8A juga *unserviceable.* Laporan ujian *serviceability* yang dijalankan oleh SP2 ialah eksh P10;

(o) pada 6 November 2017 lebih kurong jam 12.30 tengah hari, SP2 telah menyerahkan semula ekshs P7A dan P8A kepada SP5 bertempat di Cawangan Persenjataan IPK Perak; dan

(p) SP5 mengesahkan ekshs P7A dan P8A yang dikemukakan ke mahkamah ini adalah barang kes-barang kes yang beliau terima daripada SP6.

A HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA ('TPR')

[5] TPR terpelajar menghujahkan bahawa:

(a) fakta tertuduh telah menjual ekshs P7A dan P8A kepada SP1 telah
B dibuktikan melalui keterangan SP1;

(b) meskipun ekshs P7A dan P8A gagal melepaskan tembakan semasa ujian *serviceability* dijalankan, keterangan SP2 menunjukkan kerosakan pada kedua-dua senapang patah itu boleh diperbaiki dengan menukar *firing pin* dan selaras dengan undang-undang kes (*case law*) *Lim Eng Kooi v Public Prosecutor* [1948–1949] MLJ Supp 63, senjata api yang gagal
C melepaskan tembakan semasa ujian *serviceability* boleh terjatuh di bawah ruang lingkup takrifan 'senjata api', sekiranya pembaikian yang diperlukan tidak sukar. Semuanya bergantung kepada darjah (*degree*) pembaikian atau adapatasi yang diperlukan; dan
D

(c) melalui keterangan SP1, SP2,SP5 dan SP6 pihak pendakwaan telah membuktikan rantaian keterangan bersabit jagaan dan kawalan ekshs P7A dan P8A bermula daripada masa dirampas sehinggalah dikemukakan ke mahkamah tidak pernah terputus.

E

HUJAHAN PEGUAMBELA

[6] Peguambela terpelajar pula berhujah seperti berikut. Pertamanya, pertuduhan yang dirangka terhadap tertuduh adalah cacat dan
F memprejudiskan tertuduh dalam penyediaan pembelaannya. Kesalahan 'berdagang senjata api' di bawah s 7 FIPA telah diberi takrifan di bawah s 2 Akta yang sama. Takrifan 'berdagang senjata api' di bawah s 2 FIPA menyentuh empat kesalahan berbeza sebagaimana yang dinyatakan di bawah sub-ss 9(1), (2), 11(1) dan 15(1) Akta Senjata 1960 ('AS 1960'). Pertuduhan ke atas
G tertuduh tidak menyatakan dengan khusus sama ada tertuduh melakukan kesalahan di bawah sub-s 9(1), atau sub-s 9(2), atau sub-s 11(1), atau sub-s 15(1) AS 1960. Kegagalan menyatakan secara khusus perbuatan 'berdagang senjata api' di dalam pertuduhan dikatakan telah melanggar peruntukan ss 152, 154, dan 155 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Kecacatan
H pada pertuduhan adalah *fatal* kepada kes pendakwaan (*Jagar Singh v Public Prosecutor* [1936] 1 MLJ 92) dan tidak boleh dipulihkan oleh ss 156 KTJ (*Shawal bin Hj Mohd Yassin v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 334; *Ravindran a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 509; dan *Public Prosecutor v Syed Bakri* [1955] MLJ (xvii)).

I

[7] Keduanya, dihujahkan seandainya pertuduhan yang dirangka adalah mematuhi kehendak undang-undang, bagi kesalahan sama ada di bawah sub-ss 9(1), 9(2) dan 15(1) AS 1960 masing-masingnya, pihak pendakwaan masih perlu membuktikan tertuduh bukannya pemegang lesen senjata api atau

permit yang sah sementara bagi kesalahan di bawah sub-s 11(1) AS 1960 pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa tertuduh telah menjual, memindah milik atau mendedahkan untuk dijual atau dipindah milik senjata api kepada seseorang yang tidak memegang lesen yang sah untuk memiliki senjata api (Perbicaraan Jenayah Mahkamah Tinggi Taiping *Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa* Perbicaraan Jenayah Mahkamah Tinggi Taiping No AB-45D-03–09 Tahun 2017 (tidak dilaporkan) dirujuk). Pihak pendakwaan di dalam kes ini telah gagal mengemukakan sebarang keterangan mengenai lesen yang disebutkan itu. Mahkamah tidak boleh membuat andaian bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen yang diperlukan ataupun telah menjual senjata api kepada orang yang tidak dilesenkan. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai lesen yang berkenaan telah mengakibatkan kelompangan yang ketara di dalam kes pendakwaan (*Ti Chuee Hiang v Public Prosecutor* [1995] 2 MLJ 433; *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16).

[8] Ketiganya adalah menjadi tanggungan pendakwaan untuk membuktikan bahawa ekshs P7A dan P8A boleh melepaskan tembakan *(serviceable condition)* (*Lee Weng Sang v Public Procecutor* [1976] 1 MLJ 82). SP2 telah mengesahkan bahawa ekshs P7A dan P8A adalah *unserviceable.* Walaupun, SP2 semasa pemeriksaan utama memberi keterangan bahawa kerosakan pada kedua-dua senapang patah itu boleh diperbaiki dengan menukar *firing pin*, peguambela menghujahkan fakta itu adalah tidak relevan. Pada hujahan peguambela terpelajar sesuatu senjata api mestilah terjumlah kepada senjata maut sebagaimana yang ditakrifkan di bawah s 2 FIPA semasa ujian *serviceability* dijalankan dan bukannya selepas dibaiki. Peguambela merujuk keputusan mahkamah ini di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa* sebagai sandaran. Malahan, SP1 sendiri mengesahkan ekshs P7A dan P8A adalah rosak dan tidak boleh dipakai semasa diserahkan kepadanya. SP1 berhajat untuk membaiki kedua-dua senapang patah itu, namun tidak pernah berbuat demikian sehinggalah dirampas oleh pihak polis. SP1 juga bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa terdapat kemungkinan senapang patah-senapang patah itu tidak boleh dibaiki langsung.

[9] Keempatnya, dihujahkan bahawa SP1 merupakan seorang saksi yang tidak boleh dipercayai (*not a credible witness*). Adalah mustahil untuk SP1 membayar harga RM2,300 dan RM2,700 untuk senapang patah-senapang patah yang tidak boleh digunakan langsung. SP1 juga mengakui senapang patah-senapang patah itu tidak ada nilai di dalam keadaannya yang rosak. Mahkamah ini perlu berhati-hati di dalam menerima keterangan SP1. SP1 telah mengaku beliau telah bekerjasama dengan pihak polis dengan memberi kenyataan supaya beliau boleh dilepaskan dan menjadi saksi.

[10] Kelimanya, keterangan SP1 bahawa beliau membeli ekshs P7A dan P8A daripada tertuduh tidak boleh diterima. SP1 adalah rakan sejenayah. Dia tidak mempunyai lesen untuk memiliki senjata api dan telah memberi bantuan kepada perlakuan kesalahan yang dipertuduhkan. Dia telah ditahan reman selama tujuh untuk siasatan dan merupakan seorang suspek. Jelas, SP1 terlibat di dalam perlakuan jenayah bersabit pertuduhan ke atas tertuduh. Keterangan seorang rakan sejenayah perlu dilihat dengan berhati-hati dan memerlukan keterangan sokongan bebas yang mana tiada di dalam kes ini (*Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37; *Pasupathy a/l Kanagasaby v Public Prosecutor* [2005] 1 MLJ 493; dan *TN Nathan v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ 134).

[11] Akhir sekali dihujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan ekshs P7A dan P8A adalah milik RELA. SP3 dikatakan gagal membuat rekod mengenai pemeriksaan yang beliau lakukan di PLRWU sebelum 23 Februari 2017, iaitu pada bulan Februari, April dan Oktober 2016. Sebelum 23 Mac 2017, SP3 telah mengetahui bilangan senjata api yang disimpan di PLRWU tidak sepadan dengan rekod pejabat RELA Selama. Dan, tiada bukti bilakah ekshs P7A dan P8A telah hilang daripada simpanan RELA. Tambahan pula, ekshs P7A dan P8A tidak mempunyai nombor siri. Memandangkan kesalahan dikatakan dilakukan pada tahun 2015, maka Yaakob yang mempunyai ekses kepada senjata api RELA merupakan saksi yang material yang boleh menjelaskan naratif kes pendakwaan. Kegagalan memanggil Yaakob sebagai saksi mewajarkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 dibangkitkan terhadap pihak pendakwaan. Begitu juga, aggapan bertentangan yang sama perlu dibangkitkan atas kegagalan memanggil Faizal memberi keterangan. Faizal terlibat di dalam semua pemeriksaan senjata api yang dijalankan oleh SP3. Di dalam keadaan SP3 tidak membuat apa-apa rekod mengenai pemeriksaan yang dijalankan sebelum 23 Februari 2017, keterangan Faizal adalah penting bagi membuktikan ekshs P7A dan P8A telah hilang sebelum pemeriksaan pada 23 Februari 2017 dijalankan. Beban pembuktian di akhir kes pendakwaan.

[12] Seksyen 180 KTJ menetapkan beban pembuktian adalah terletak di atas bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan kes prima facie. Seksyen tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> (a) when the case for the prosecution is concluded, the court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused;
>
> (b) if the court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the court shall record an order of acquittal;

(c) if the court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the court shall call upon the accused to enter on his defence; and

(d) for the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

[13] Berkenaan paiwaian yang terpakai bagi membentuk kes prima facie, ianya telah dibincangkan di dalam beberapa kes mercu tanda (*landmark* case). Bagi tujuan penghakiman ini, cukup sekadar dipetik antara yang tersahor. Di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 Augustine Paul HMR (sebagaimana ketika itu) di dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menyatakan:

... A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal ...

[14] Di dalam kes *Pendakwa Raya v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] MLJU 504; [2006] 1 CLJ 457, Gopal Sri Ram HMR (kemudiannya HMP) yang menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan menggariskan prinsip berikut:

(12) After the amendments to ss 173(f) and 180 of the CPC, the statutory test has been altered. What is required of a Subordinate Court and the High Court under the amended sections is to call for the defence when it is satisfied that a prima facie case has been made out at the close of the prosecution case. This requires the court to undertake a maximum evaluation of the prosecution evidence when deciding whether to call on the accused to enter upon his or her defence. It involves an assessment of the credibility of the witnesses called by the prosecution and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence.

[15] Sekarang mahkamah ini berpandukan kepada peruntukan s 180 KTJ dan nas-nas tersahor di atas yang mengikat mahkamah ini, akan membuat penilaian maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh bersabit T1 dan T2.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

Inti pati pertuduhan

[16] T1 dan T2 yang dihadapi oleh tertuduh melibatkan kesalahan di bawah s 7(1) FIPA. Seksyen 7(1) FIPA memperuntukkan seperti berikut:

(1) Seseorang yang berdagang senjatapi hendaklah dihukum —

A (a) mati; atau

(b) dengan pemenjaraan seumur hidup dan juga disebat tidak kurang daripada enam kali.

B **[17]** Apa yang jelas s 7(1) di atas bukan peruntukan substantif yang memberi diskripsi kesalahan 'berdagang senjata api', tetapi ia sekadar menyatakan hukuman yang boleh dikenakan atas dapatan salah dan sabitan bagi kesalahan itu. Untuk memahami apakah kesalahan 'berdagang senjata api' seksyen tersebut perlu dibaca bersama dengan s 2 FIPA.

C

[18] Seksyen 2 FIPA mendefinasikan 'berdagang senjata api' sebagai:

(a) menjual atau memindahmilikkan, atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik, sesuatu senjatapi bersalahan dengan sub-seksyen 9(1) Akta Senjata 1960 (Akta 206);

D

(b) membaiki atau menerima untuk dibaiki sesuatu senjatapi bersalahan dengan sub-seksyen 9(2) Akta itu;

(c) memindahmilikkan, menjual atau menawarkan untuk dijual sesuatu senjatapi kepada seseorang yang lain daripada seseorang yang dinyatakan
E dalam sub-seksyen 11(1) Akta itu; atau

(d) mengimport sesuatu senjatapi bersalahan dengan sub-seksyen 15(1) Akta itu;

(e) *(Dipotong oleh Akta A266)*;

F

[19] Tafsiran 'berdagang senjata api' di bawah s 2 FIPA terbahagi kepada empat perbuatan, iaitu seseorang itu berurusan dengan senjata api secara melanggar peruntukan sama ada sub-ss 9(1), atau (2), atau sub-s 11(1), atau sub-s 15(1) AS 1960. Memandangkan teori kes pendakwaan ialah tertuduh
G menjual ekshs P7A dan P8A, pihak pendakwaan bergantung kepada takrifan 'berdagang senjata api' melalui penjualan. Meskipun, sub-s 9(1) AS 1960 tidak terhad kepada menjual senjata api semata-mata, tetapi juga melibatkan perbuatan memindahmilikkan, atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik, pihak pendakwaan atas sebab tersendiri bergantung
H kepada elemen penjualan sahaja. Biarpun begitu pendirian pihak pendakwaan, sama ada elemen lain di bawah sub-s 9(1) AS 1960, iaitu memindahmilikkan, menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindahmilik terpakai akan dilihat oleh mahkamah ini kemudian.

I **[20]** Sub-seksyen 9(1) AS 1960 memperuntukkan seperti berikut:

(1) Subject to this Act and any regulations made thereunder, no person shall sell or transfer, or keep or expose for sale or transfer, any arms or ammunition unless he is the holder of a valid licence to deal in arms and ammunition granted to him under this section:

Provided that —

(a) the holder of an arms licence in respect of any arms or any firm, partnership, company or corporation owning such arms may, subject to section 3, sell or transfer otherwise than by way of trade or business any such arms;

(b) a person lawfully carrying on the business of an auctioneer may sell by auction or keep or expose for sale by auction without holding a dealer's licence any arms or ammunition in respect of which there is an arms licence in force if the auctioneer has obtained permission in writing from a Chief Police Officer to sell arms or ammunition by auction and he complies with all the conditions and observes all the restrictions subject to which the permission is stated in writing to be granted; and

(c) a licensed manufacturer may keep any arms or ammunition manufactured or to be used for manufacturing under his licence without holding a dealer's licence.

[21] Oleh itu, berdasarkan teori kes pendakwaan, inti pati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah:

(a) ekshs P7A dan P8A adalah suatu 'senjata api' (inti pati pertama);

(b) tertuduh tanpa lesen telah berdagang ekshs P7A dan P8A kepada SP1 (melalui penjualan) (inti pati kedua); dan

(c) ekshs P7A dan P8A adalah senjata api milik RELA (inti pati ketiga).

Inti pati pertama — Sama ada ekshs P7A dan P8A adalah 'senjata api'

[22] Mengenai inti pati pertama, SP2 telah mengesahkan bahawa ekshs P7A dan P8A tidak boleh melepaskan tembakan semasa ujian *serviceability* dijalankan. Ekshibit 7A mempunyai juluran *firing pin* yang pendek menyebabkan ketukan *firing pin* pada *primer catridge* amat minimum, sementara eksh P8A pula tidak mempunyai *firing pin.* Mahkamah ini perlu menentukan sama ada di dalam keadaan begitu kedua-dua senapang patah tersebut memenuhi definisi 'senjata api' yang ditetapkan oleh s 2 FIPA. Seksyen 2 FIPA mentakrifkan 'senjata api' sebagai 'apa-apa senjata maut berlaras yang daripadanya sesuatu letusan, peluru, atau bedilan lain boleh dilepaskan dengan alat cas letupan dan termasuklah sesuatu bom atau grenad yang mengandungi cas letupan'. Di dalam kes *Public Prosecutor v Umar Cipto Sumarto* [2006] 2 MLJ 763; [2005] 8 CLJ 547 Linton Albert H (sebagaimana masa itu) menyatakan seperti berikut mengenai definisi 'senjata api' di bawah FIPA:

> The word lethal' is not defined by the Act and it would be useful to refer to *R v Thorpe* [1987] 1 WLR 383 where the English Court of Appeal had to construe the meaning of the word 'lethal' under s 57(1) of the Firearms Act 1968 which is similar

to s 2(1) of the Act Kenneth Jones, J delivering the judgment of the Court of Appeal had this to say at pp 111–112:

> The subsequent authority is *Moore v Gooderham* [1960] 3 All ER 575; [1960] 1 WLR 1308. Again this was a decision of the divisional court, presided over the Lord Parker CJ, and a court which included Ashworth J. The court there was dealing with the sort of air gun which is commonly found in the possession of young people. It was called a 'Diana' air gun. The justices had described it as a gun of the type which was the least powerful which could be obtained. In the course of a short judgment Lord Parker CJ said ([1960] 3 All ER 575 at 576–577, [1960] 1 WLR 1308 at 1310–1311):
>
> > ... I think that (the justices) were fully entitled to give to the word 'lethal' the sense that the injury must be of a kind which may cause death. That is the ordinary meaning of the word, but it is to be observed that in this connexion one is not considering whether a firearm is designed or intended to cause injury from which death results, but rather whether it is a weapon which, however misused, may cause injury from which death may result ...
>
> It is quite clear from the reading of that judgment that Lord Parker CJ was laying down there the meaning to be attributed to the word lethal or the effect of it and was saying that a lethal weapon was one which when misused was capable of causing injury from which death might result.

[23] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa sama ada suatu senjata api itu boleh melepaskan tembakan atau tidak ditentukan pada semasa ujian *serviceability* dijalankan. Fakta kes *Pendakwa Raya lwn Ahmad Hanafi bin Md Desa* berbeza sama sekali dengan fakta kes semasa di hadapan mahkamah ini. Di dalam kes yang dirujuk itu, senapang patah yang menjadi subjek pertuduhan tidak mempunyai kerosakan semasa ujian *serviceability* dijalankan, sebagaimana kes semasa. Oleh itu, mahkamah ini berpandangan nas *Lim Eng Kooi v Public Prosecutor* yang dirujuk oleh TPR adalah relevan. Di dalam kes *Lim Eng Kooi v Public Prosecutor* diputuskan seperti berikut:

> The question whether an article comes within the definition of 'arm' as defined in s 2 of Carrying of Arms Ordinance 1947, must be a question of fact to be decided in each individual case. For example at the time a person is found carrying arms the particular arm may have the safety catch in the 'safe' position or, in the case of an automatic weapon, it might have jammed temporarily. In either of such examples it could not be held that the weapon in question was not one from which 'any shot, bullet or other missile can be discharged'.
>
> It is impossible for us to cover all possible contingencies, but two sets of circumstances readily come to our mind:
>
> (a) Where an arm is not capable of being fired because, as in this case, it is in a rusty condition.

(b) Where an arm is not capable of being fired until a part has been added to it, or a part of it adapted, in some way or other.

In either case, it must be a matter of degree ie how much has to be done to the arm, either by way of cleaning, where it is rusty, or how much has to be done by way of addition to it, or adaptations of it, where mechanical repairs or alterations are required. This, as we have already stated, must be a question of fact in each individual case, and no formula can be devised to cover all possible sets of circumstances.

[24] Apa yang perlu ditentukan ialah darjah pembaikian yang perlu dilakukan ke atas senapang patah-senapang patah yang menjadi subjek pertuduhan. SP2 ada memberi keterangan seperti berikut:

S: Saya cadangkan bidang pembaikian senjata api ini satu bidang yang khusus?

J: Saya setuju.

S: Saya katakan, jika sesearang itu tidak ada pengalaman seperti tuan, seseorang itu kemungkinan tidak mempunyai pengetahuan berkait dengan pembaikian senapang-senapang itu?

J: Setuju.

S: Setuju sekiranya seorang lay person/sesearang biasa yang tidak tahu seperti Saya tentang senjata api, setujukah kemungkinan besar orang itu tidak tahu cara untuk membaiki senjata api itu?

J: Setuju.

S: Setuju orang biasa, jika diberikan senjata api yang rosak akan fikir ia senapang yang rosak dan tidak boleh dipakai?

J: Setuju.

S: Di dalam kes ini bila kita terima P7A dan P8A tersebut — ia dalam keadaan teruk.

J: Rosak.

S: Lusuh?

J: Ya, lusuh.

S: Ia di dalam keadaan rosak dan tidak boleh pakai?

J: Saya setuju.

S: Saya katakan tidak dibaiki oleh tuan, kedua-dua P7A dan P8A tidak mampu melepaskan tembakan?

J: Setuju.

S: Semalam di dalam keterangan — sekejap tuan, tuan ada memberi detail apa yang perlu dibaiki ke atas senapang.

Saya cadangkan penjelasan tuan semalam adalah aspek teknikal dan di luar pengetahuan orang biasa?

J: Setuju.

S: Akhir kata, orang biasa ada kemungkinan besar tidak dapat baiki P7A dan P8A betul?

J: Betul.

[25] Di dalam pemeriksaan semula, SP2 memberi keterangan berikut:

S: Adakah kerosakan ini boleh dikenal pasti dengan mata kasar?

J: Bagi orang biasa, agak sukar, kecuali orang yang ada berpengalaman dengan senapang.

S: Adakah anggota tentera boleh dikategorikan sebagai orang biasa mengendalikan senapang?

J: Saya bersetuju bahawa sebagai seorang anggota tentera adalah berpengalaman di dalam pengendalian senjata api tetapi Saya tidak pasti berkaitan pengalaman beliau tentang senjata shotgun.

[26] Di dalam kes ini semenjak awal SP1 mengetahui bahawa ekshs P7A dan P8A merupakan senapang patah-senapang patah yang rosak semasa diserahkan kepadanya. Di dalam keterangannya, SP1 menyatakan bahawa beliau berhajat untuk membaiki senapang patah-senapang patah itu. Jika SP1 tidak yakin bahawa beliau boleh membaiki senapang patah-senapang patah itu. pastinya beliau tidak akan mengambil ekshs P7A dan P8A. Berdasarkan fakta itu, inferens yang boleh dibuat ialah untuk membaiki ekshs P7A dan P8A bukanlah suatu yang sukar atau mustahil. Cuma, SP1 tidak berkesempatan untuk berbuat demikian. Apatah lagi SP1 semasa pemeriksaan balas mengakui sebagai angota tentera beliau mempunyai pengalaman mengendalikan senapang patah. Berdasarkan hal keadaan itu, mahkamah ini memutuskan bahawa ekshs P7A dan P8A jika dibaiki dengan memasang *firing pin* baru adalah senjata maut yang boleh mendatangkan kecederaan dan kematian, jika disalahgunakan. Mahkamah ini berpuas hari inti pati pertama berjaya dibuktikan.

Inti pati kedua — Sama ada tertuduh telah melakukan perbuatan 'berdagang senjata api' tanpa lesen

[27] Di dalam kes-kes semasa, tertuduh dikatakan berdagang ekshs P7A dan P8A pada masa dan tarikh serta tempat seperti di dalam pertuduhan pindaan.

[28] Saksi penting bagi kes pendakwaan adalah SP1. Beliau merupakan saksi bintang yang memberi nyawa kes pendakwaan. Jatuh bangun kes pendakwaan bergantung kepada keterangan saksi ini. Pihak pembelaan memujuk mahkamah ini untuk menolak keterangan SP1 yang menyatakan beliau membeli ekshs P7A dan P8A daripada tertuduh atas alasan SP1 merupakan saksi yang tidak boleh dipercayai, ditambah pula beliau merupakan seorang

rakan sejenayah. Sebagai rakan sejenayah, keterangan SP1 memerlukan keterangan sokongan bebas yang mana tiada di dalam kes semasa di hadapan mahkamah ini.

[29] Setelah menghadam keterangan SP1 serta keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain, termasuk juga keterangan dokumentar yang dikemukakan sebagai eksibit, mahkamah ini sukar menerima keterangan SP1 bahawa dia membayar RM2,300 dan RM2,700 secara tunai kepada tertuduh untuk mendapat ekshs P7A dan P8A. SP1 mengetahui kedua-dua senapang patah itu rosak. Adalah mustahil bagi seorang yang munasabah untuk membeli suatu barang yang rosak dan tiada nilai dengan harga yang begitu tinggi. Malahan, SP1 ada memberi keterangan berikut semasa pemeriksaan semula:

> S: Bagaimana kamu boleh setuju bahawa kedua-dua senapang patah P7A dan P8A tidak boleh diperbaiki langsung, sedangkan kamu tidak pernah cuba memperbaikinya.
>
> J; Anggapan saya, jika tidak boleh baiki Saya hendak pulangkan kepada dia balik.
>
> S: Pernah baiki atau tidak?
>
> J: Tidak.
>
> S: Boleh En. Fairi jelaskan kenapa En Fairi bersetuju dengan cadangan peguam bahawa kedua-dua senapang patah ini tiada nilai?
>
> J: Bila tidak boleh guna saya anggap tiada nilai dan akan pulangkan semula kepada dia.

[30] Keterangan semasa pemeriksaan balas yang dipetik di atas menunjukkan SP1 tidak mahu senapang yang tidak boleh digunakan. Pada dapatan mahkamah ini, adalah mustahil SP1 telah membayar harga-harga yang dikatakan itu. Apatah lagi, SP1 telah menyimpan ekshs P7A dan P8A selama dua tahun. Jika betul SP1 telah membayar wang sejumlah RM3,000 bagi kedua-dua senapang patah itu, pasti beliau mahu wangnya dikembalikan lantaran ekshs P7A dan P8A tidak boleh digunakan. Tidak mungkin SP1 akan berdiam diri selama dua tahun tanpa meminta wang yang dikatakan telah dibayar itu dikembalikan. Berdasarkan dapatan ini, mahkamah ini memutuskan keterangan SP1 mengenai pembayaran wang kepada tertuduh adalah tidak *credible*.

[31] Mahkamah ini juga mendapati bahawa SP1 seorang rakan sejenayah di mana keterangannya memerlukan sokongan. SP1 mengakui terlibat dengan kesalahan jenayah yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh. SP1 adalah *participis criminis* (*Public Prosecutor v Zainal bin Ismail & Ors* [2011] 2 MLJ 272; [2009] 3 CLJ 554) yang telah terlibat secara aktif dengan kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh tertuduh *(taken some more infamous part in the transaction)* — lihat kes *Daimon bin Banda v Public Prosecutor* [1953] 1 MLJ 23). SP1 tidak pernah dituduh dengan apa-apa kesalahan berkait ekshs P7A

dan P8A, walaupun dia telah menyimpan senjata api tanpa permit atau lesen yang sah. Beliau telah direman selama tujuh hari. Bagi membeli kebebasannya, SP1 memberi kenyataan kepada pihak polis. Akhrinya, SP1 dijadikan saksi pendakwaan.

[32] Di dalam kes *Public Prosecutor v Haji Ismail & Anor* [1940] MLJ 76; [1939] 1 LNS 68 (yang dirujuk di dalam kes *Public Prosecutor v Rahiman bin Selamat* (Rayuan Jenayah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur 42A-21 Tahun 2001) (tidak dilaporkan) Cussen H memutuskan bahawa:

> There is no question of the mechanical application of any general rule of presumption. When it is a question of this particular presumption, the credibility of the witness who is in the position of an accomplice must be individually judged as any other witness, the same considerations being applied, with the added one that he is an accomplice. The court must consider who and what he is, his demeanour, bearing, the manner and quality and substance of his evidence in itself and in relation to all the circumstances of the case. The nature, quality and degree of his complicity must be examined. Then finally the court must form its opinion whether he is to be given credit and his evidence accepted without corroboration or not.

[33] Di dalam kes semasa tiada secebis keterangan yang boleh menyokong keterangan SP1. Apatah lagi Mahkamah telah memutuskan bahawa keterangan SP1 bahawa dia membeli ekshs P7A dan P8A daripada tertuduh adalah tidak *credible*. Oleh itu, mahkamah ini bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati kedua, iaitu tertuduh 'berdagang senjata api' sama ada melalui penjualan atau memindah milikkan, atau mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindah milik. *Inti pati ketiga-sama ada ekshs P7A dan P8A milik RELA*.

[34] Ekshibits P7A dan P8A yang menjadi subjek T1 dan T2 tidak mempunyai nombor siri. Apabila ekshs P7A dan P8A dirujuk kepada SP3, beliau tidak dapat mengesahkan senapang patah-senapang patah itu adalah jenis H & R yang sama digunakan oleh RELA kerana tulisan modelnya telah terpadam. Bila dicadangkan oleh peguambela semasa pemeriksaan balas bahawa SP3 tidak boleh pastikan yang ekshs P7A dan P8A berasal daripada stor simpanan senjata api RELA di PLRWU, SP3 bersetuju dengan cadangan itu. Oleh kerana itu adalah menjadi dapatan mahkamah ini, bahawa senapang patah-senapang patah itu adalah disangsikan milik RELA di dalam ketiadaan nombor siri untuk dibuat rujukan silang dengan rekod simpanan pihak RELA. Nampaknya, inti pati ini gagal dibuktikan. Apapun, mahkamah ini setelah menelaah peruntukan relevan di dalam FIPA bersama-sama AS 1960 mendapati isu ketuanpunyaan senapang patah H & R itu bukan merupakan inti pati kesalahan di bawah s 7(1) FIPA yang dibaca bersama dengan definsi 'berdagang senjata api' di bawah s 2 Akta yang sama dan juga sub-s 9(1) AS 1960 yang dipetik sebelum daripada ini. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak

pendakwaan ialah tertuduh tidak mempunyai lesen yang diperlukan untuk berurusan dengan senjata api dan amunisi sama ada untuk menjual atau memindah milikkan, mendedah atau menyimpan untuk dijual atau dipindah milik. Sama ada ekshs P7A dan P8A adalah milik RELA atau pihak lain, termasuk tertuduh sendiri, pada hemat mahkamah ini bukanlah inti pati kesalahan di bawah s 7(1) FIPA. Penambahan perkataan 'milik RELA' di dalam pertuduhan, pada hemat mahkamah ini merupakan suatu tambahan yang tidak perlu dan bukan kehendak undang-undang. lntipati ketiga ini sebenarnya bukan inti pati kepada pertuduhan.

lsu lain yang fatal kepada kes pendakwaan

[35] Mengenai fakta bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen untuk berurusan dengan senjata api, mahkamah ini mendapati tiada secebis keterangan dikemukakan yang menunjukkan bahawa tertuduh tidak mempunyai lesen di bawah AS 1960 untuk berurusan dengan senjata api-senjata api tersebut. Di dalam kes *Ignatius ak James v Public Prosecutor* [2016] MLJU 229; [2016] 1 LNS 59 Abdul Aziz Abdul Rahim HMR semasa memberi keputusan Mahkamah Rayuan mengenai isu yang sama memutuskan seperti berikut:

> (53) With regard to allegation that a wrong burden being put on the appellant, we do not find any merit in the contention. Whether the appellant is an exempted person or not is within the personal knowledge of the appellant himself. The situation here is akin to a person travelling on a train or a bus without ticket. The burden is on such person to prove that he has a valid ticket to travel. The burden is not on the bus or train operator to show that the person has a valid ticket. *The burden on the operator is to show that the person has no ticket.* Simillary in this case, it is not for the prosecution to show that the appellant is a person that is exempeted under s 6(2) and s 9(1) of the Arms Act 1960. Section 3 of the Arms Act 1960 (Act 206) says no person shall have in his possession, custody, or control any fireamrs or ammunition unless he is the holder of an arms license in that behalf granted to him under s 4. Section 6(2) of the same Act describes the categories of person who is exempted from the prohibitation under s 3, and the appellant is not one of them. (Penekanan ditambah.)

[36] Di dalam kes ini, setidak-tidaknya pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan bahawa tertuduh telah diminta mengemukakan lesen untuk menjual atau memindahmilikkan atau menyimpan atau mendedahkan untuk dijual atau dipindah milik senjata api, namun gagal berbuat demikian. Apabila tertuduh diminta berbuat demikian oleh pihak polis, maka adalah menjadi tugas tertuduh untuk menunjukkan sama ada dia mempunyai lesen yang diperlukan sebagaimana peruntukan AS 1960 ataupun dia merupakan seorang yang dikecualikan di bawah ss 6(2) dan 9(1) di bawah Akta itu. Apa yang ditunjukkan semasa kes pendakwaan melalui keterangan SP1 ialah tertuduh menjual dua laras senapang patah dan keterangan

saksi-saksi polis dan SP3 pula berkait tangkapan SP1 dan tertuduh, rampasan dan ujian yang dijalankan ke atas ekshs P7A dan P8A serta kehilangan senapang patah milik RELA. Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan keterangan mengenai aspek ini telah meninggalkan lompang dalam kes pendakwaan.

Keputusan mahkamah di akhir kes pendakwaan

[37] Adalah menjadi prinsip yang mantap bahawa kes prima facie tidak boleh dikatakan sebagai telah dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan berikut, iaitu apabila terdapat lompang *(gap)* dalam kes pihak pendakwaan ataupun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh (lihat kes *Arulpragasan a/l Sandaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1; [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329; *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89; *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19; [1985] 2 CLJ 2 dan *Public Prosecutor v Kasmin bin Soeb* [1974] 1 MLJ 230; [1974] 1 LNS 116). Di dalam kes-kes semasa di hadapan mahkamah ini sekarang pihak pendakwaan gagal membuktikan inti pati kedua serta berlaku kesenjangan di dalam keterangan bersabit sama ada tertuduh mempunyai lesen atau tidak untuk berurusan dengan senjata api. Di dalam keadaan tersebut atas penilaian maksima mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie berkenaan T1 dan T2. Serentak dengan dapatan itu, tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada T1 dan T2 tanpa dipanggil membela diri.

[38] Terkilan dengan keputusan mahkamah ini, pendakwa raya merayu terhadap perintah pelepasan dan pembebasan tertuduh ke Mahkamah Rayuan Malaysia.

Tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada kedua-dua tuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar